

Agensi awam, pelajar dan pensyarah sertai gotong royong perdana

Ditulis oleh Administrator

Rabu, 28 Februari 2018 02:00 - Terakhir Dikemaskini Rabu, 28 Februari 2018 04:18



KVDLM 24 Feb - Agensi awam dari Ibu Pejabat Polis Daerah Rembau, Jambatan Bomba dan Penyelamat Rembau dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Rembau telah bersama-sama warga KVDLM menyertai gotong royong perdana pada tahun ini. Aktiviti gotong-royong kali ini melibatkan agensi awam merupakan sebahagian daripada usaha pihak kolej bagi mengeratkan lagi silaturahim antara warga kolej dan agensi tersebut bagi menceriakan kawasan persekitaran KVDLM

Program bergotong-royong ini adalah salah satu langkah dominan pihak kolej untuk menceriakan kawasan kolej agar setiap pelajar akan berasa selesa dengan persekitaran kolej yang bersih dan ceria, di samping dapat memberikan keselesaan kepada pelajar dan warga kolej untuk berasa senang dan selamat ketika menjalankan aktiviti harian dan memudahkan pihak pentadbiran kolej membuat pemantauan keselamatan di kawasan persekitaran kolej. Aktiviti sebegini dapat memastikan setiap warga kolej berkerjasama untuk menjaga kebersihan kolej. Selain itu, segala kerja dapat disiapkan dengan cepat dan mudah.

Kerja-kerja pembersihan yang dijalankan di kawasan kolej ini adalah seperti memotong rumput, menebang pokok, membaung kayu-kayu, membersihkan longkang, mengecat, mengemas bilik-bilik khas dan sebagainya. Program ini berakhir pada jam 12.00 tengahari. Terima kasih dan tianah di ucapkan kepada semua yang terlibat dalam program gotong-royong ini.



Agensi awam, pelajar dan pensyarah sertai gotong royong perdana

Ditulis oleh Administrator

Rabu, 28 Februari 2018 02:00 - Terakhir Dikemaskini Rabu, 28 Februari 2018 04:18



Agensi awam, pelajar dan pensyarah sertai gotong royong perdana

Ditulis oleh Administrator

Rabu, 28 Februari 2018 02:00 - Terakhir Dikemaskini Rabu, 28 Februari 2018 04:18

